



Headline: Pensyarah jadi mangsa tipu  
Publication/Portal: Daily Express  
Date: 8 November 2022

Language: Malay  
Section: Tempatan  
Page: 3

## Pensyarah jadi mangsa tipu

### **Nikko Fabian**

KOTA KINABALU: Tindakan segera yang diambil oleh sebuah bank membantu mendapatkan semula wang simpanan seorang pensyarah universiti yang menjadi mangsa penipu di Kuala Lumpur.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai 'Marko' dari Jalan Bundusan, Penampang itu mengaku ditipu tiga individu pada Sabtu lalu (5 Nov).

"Saya menerima tiga panggilan berasingan daripada pemanggil tidak dikenali bernombor 019-2888800 dan +875072254422, yang mendakwa pegawai dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor pada malam Sabtu.

"Pemanggil memaklumkan telefon saya terlibat menghantar pautan negatif di Johor dan turut terlibat dalam pengubahan wang haram," kata mangsa berusia 25 tahun itu dalam laporan polis yang difailkan di balai polis Petaling Jaya.

"Pemanggil pertama memperkenalkan dirinya sebagai Tuan Khairul dengan cara yang kasar dan menakutkan, menegaskan penglibatan saya dalam 'jenayah' itu dan seterusnya memindahkan perbualan telefon kami kepada 'Tuan Sarjan Pun' yang secara tidak profesional dan tidak hormat mengulangi dakwaan itu," kata Marko.

"Pemanggil terakhir (016-5145657) yang memperkenalkan dirinya inspektor

polis menasihatkan saya supaya tidak memberitahu sesiapa tentang kes itu untuk tempoh seminggu sementara siasatan sedang dijalankan."

Menurut Marko, ketiga-tiga mereka mengarahkannya untuk memindahkan semua wangnya yang disimpan di tiga bank berbeza dengan jumlah RM6,200 ke akaun bank 01100179012 (Pua Wai Biang)

Menjawab pertanyaan, Marko berkata penipu itu juga menunjukkan salinan Waran Tangkap bersama gambar dan kad pengenalannya.

Sementara itu, polis Petaling Jaya kini menyiasat kes itu bagi mengenal pasti pelaku.

Marko serta-merta memaklumkan banknya tentang kejadian itu dengan harapan untuk mendapatkan semula simpanan peribadinya.

"Ya satu kesilapan besar untuk menjawab panggilan daripada pemanggil tidak dikenali dan pengalaman yang sangat mahal untuk profesional muda seperti saya yang sedar mengenai kehadiran penipu dalam masyarakat pada masa kini.

"Saya seperti terpesona apabila bercakap dengan penipu," katanya, berharap pengalaman tersebut menjadi pengajaran kepada orang lain tidak menjadi mangsa serupa.